



Ruj. Kami : K.KEW/PK/MPF/ePP1/59/17 (60)
Tarikh : 2 November 2018

YBhg. Datuk Dr. Hj. Azami bin Haji Said

Presiden PERUTAMA

Persatuan Pembekal-Pembekal Alatan Perubatan & Makmal Bumiputra Malaysia

No. 4, Jalan BP 4/7

Bandar Bukit Puchong

47100 Puchong

SELANGOR DARUL EHSAN

No. Faks : 03-80600318

YBhg. Datuk,

ADUAN BERKENAAN SISTEM E-PEROLEHAN DARIPADA AHLI PERUTAMA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat YBhg. Datuk, bertarikh 8 Mac 2018 mengenai perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan (**MoF**) ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas perhatian dan cadangan penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh **PERUTAMA**. Untuk makluman YBhg. Datuk, cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh pihak **PERUTAMA** telah di ambil kira oleh pihak MoF dalam usaha untuk menambah baik Sistem ePerolehan (**eP**)

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan maklum balas mengenai aduan **PERUTAMA** seperti di **Lampiran A. MoF** memohon maaf di atas kelewatan mengemukakan maklum balas daripada YBhg. Datuk.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATIN ROSNI BINTI MOHD YUSOFF)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

**MAKLUM BALAS BERHUBUNG ePEROLEHAN SUSULAN ADUAN DARIPADA AHLI
PERUTAMA**

Perkara	Keterangan	Maklum Balas
4 (i)	Carian E-Katalog	Harga yang dipaparkan di katalog adalah harga yang ditawarkan oleh pembekal bagi perolehan secara pembelian terus bukannya harga yang ditawarkan di dalam kontrak. Konsep katalog eP adalah seperti eCommerce yang lain iaitu Lazada, di mana PTJ dan pembekal boleh melihat harga dan item yang ditawarkan bagi memastikan saingan terbuka, ketelusan dan Kerajaan mendapat <i>best value for money</i> .
4 (ii)	Pelawaan Tawaran Sebut Harga	Penambahbaikan tempoh pelawaan tawaran harga dari maksima 3 hari kepada maksima 7 hari telah dilaksanakan dalam Sistem eP sejak beberapa bulan yang lepas.
4 (iii)	Penggunaan Bahasa untuk Katalog	Penambahbaikan bagi carian nama item dalam Bahasa Inggeris dalam proses pembangunan.
4 (iv)	Syarikat Vendor Kurang Mahir	Syarikat boleh merujuk kepada manual pengguna yang disediakan di portal ePerolehan atau memohon untuk menjalani latihan secara <i>hands on</i> bersama Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB) bagi meningkatkan kefahaman dan familiariti proses dan modul-modul di dalam Sistem eP . Pada masa yang sama, latihan dalam talian (ePOL) turut disediakan bagi pengguna yang ingin mempelajari mengenai Sistem eP . Jika mana-mana pembekal yang berminat untuk mengikuti latihan dalam kelas boleh mengemukakan email ke sm@commercedc.com.my untuk maklumat lanjut.
4 (v)	Kesukaran Menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan	Pihak CDCSB mengakui sepanjang tempoh penyesuaian sistem eP yang baharu, terdapat banyak panggilan telefon yang diterima dari pengguna dan mengalami kesukaran untuk menjawab kesemua panggilan telefon yang masuk. Walau bagaimanapun, pihak CDCSB telah menyediakan Pusat Khidmat Pelanggan yang beroperasi 24 jam setiap hari bagi membantu pengguna yang menghadapi sebarang masalah. Pihak pembekal boleh menghubungi CDCSB melalui talian telefon (03-79857777) atau emel (bantuan@eperolehan.gov.my) untuk melaporkan permasalahan yang dihadapi.

		Selain daripada itu, pihak CDCSB juga menyediakan 14 Pusat ePerolehan di seluruh negara bagi pembekal mendapatkan bantuan <i>1-to-1</i> atau <i>face-to-face</i> yang boleh dilihat di Portal eP. Pihak pembekal juga boleh menyertai taklimat secara percuma yang diadakan di seluruh negara. Jadual taklimat boleh dirujuk di portal eP tersebut.
4 (vi)	Release Cert Tidak Dilampirkan Bersama	<i>Release Cert</i> yang dimaksudkan sebenarnya adalah <i>Certificate of GST Relief (CoGSTR)</i>. CoGSTR ini hanya dikeluarkan ke atas perolehan jenis “Bekalan” sahaja yang mendapat pelepasan kenaan Cukai barang dan Perkhidmatan (GST). Untuk makluman, CoGSTR ada disediakan di Sistem eP di mana ia boleh dikeluarkan dan boleh dicetak oleh kedua-dua pihak iaitu Agensi (Kerajaan) dan pembekal selepas perakuan penerimaan bekalan/perkhidmatan disahkan oleh Kerajaan iaitu selepas pengeluaran Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan (<i>Fulfilment Received Notes –FRN</i>) oleh Pegawai Pengesah atau selepas Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan diluluskan oleh Pelulus Pemenuhan. Pembekal dan Agensi boleh mencetak dokumen ini melalui menu Penyelenggaraan Pemenuhan dan seterusnya membuat carian dokumen berdasarkan nombor Pesanan Kerajaan.
4 (vii)	Menu Paparan Tidak User Friendly	Untuk makluman, satu Pesanan Kerajaan boleh mempunyai banyak Pesanan Penghantaran. Oleh itu, Sistem eP memaparkan Nombor Pesanan Kerajaan dengan status “Menunggu Pemenuhan” atau “Menunggu Pemenuhan Separa” untuk membolehkan Pembekal mengetahui status transaksi merujuk kepada Pesanan Kerajaan tersebut. Status “Menunggu Pemenuhan” atau “Menunggu Pemenuhan Separa” menunjukkan bahawa terdapat bekalan/perkhidmatan yang masih belum disempurnakan oleh pembekal. Status ini akan kekal dipaparkan kepada pembekal sehinggalah Agensi mengesahkan keseluruhan pembekalan/perkhidmatan telah disempurnakan oleh pembekal.
4 (viii)	Stock Keeping Unit (SKU)	SKU di Katalog eP adalah tidak mandatori dan disediakan sebagai kemudahan kepada pembekal untuk merekodkan SKU bagi sesuatu item.